

16/05/1999

YGK: Zahid terima ganjaran tinggi

Zainudin Isa

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi adalah antara tiga pemegang amanah dan pentadbir Yayasan Gerakbakti Kebangsaan (YGK) yang menerima pelbagai faedah dan gaji bulanan yang tinggi ketika menjawat jawatan berkenaan.

Dua lagi ialah bekas setiausaha pergerakan itu, Saifuddin Nasution Ismail dan Johari Abdul yang pernah menjadi ketua eksekutif yayasan. Nama mereka kini dalam laporan siasatan akhir pergerakan itu untuk diserahkan kepada Majlis Tertinggi (MT) parti.

Mengumumkan demikian, pemangku ketua pergerakan itu, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, berkata bekas pemegang amanah dan pentadbir YGK itu telah menerima banyak faedah dan keuntungan, tetapi bertindak menyerang institusi yang pernah mereka raih manfaatnya.

"Hari ini (semalam) saya menerima mandat daripada anggota exco Pemuda untuk mengumumkan nama bekas lembaga pengarah dan pentadbir YGK yang sudah meninggalkan parti dan mereka ini diberi gaji yang tinggi oleh yayasan dan syarikat yang berkaitan dengan YGK.

"Saya bukan bertujuan meraih kepentingan politik diri, tetapi menyatakan soal prinsip kerana apa yang mendukacitakan ada antara mereka pergi ke luar negara dan bertindak menyerang parti.

"Lebih menyedihkan lagi, mereka menabur fitnah dan membuat tohmahan terhadap parti," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat exco pergerakan itu, di sini semalam.

Hishammuddin bagaimanapun enggan menyatakan jumlah gaji dan faedah yang dinikmati Zahid dan ahli lembaga pengarah lain ketika dalam YGK.

YGK yang ditubuhkan pada 1983 bagi memastikan agensi berkenaan kembali ke landasan asal untuk menjalankan kegiatan membasmi kemiskinan dan membantu rakyat termiskin.

Hishammuddin bagaimanapun berkata, pihaknya belum membuat sebarang cadangan mengenai bentuk tindakan untuk diambil MT terhadap pihak terbabit.

Menurutnya, siasatan itu penting dalam usaha parti mengemas kini perjalanan dan pentadbiran YGK supaya penubuhannya dapat dinikmati semua pihak.

"Yayasan ini diwujudkan untuk membasmi kemiskinan, tetapi sedikit sebanyak kebelakangan ini mungkin lari daripada landasan awalnya. Saya berharap dalam masa terdekat ini kita dapat mengembalikan semula tujuan asalnya," katanya.

Menurutnya, sebagai pentadbir YGK, pihak terbabit memang berhak mendapat ganjaran dan faedah.

"Bagaimanapun, kita mempersoalkan dari segi budi pekerti kerana selepas meninggalkan parti, mereka sebaliknya memburuk-buruk institusi yang dahulunya mereka mendapat banyak faedah," katanya.

Beliau juga mengumumkan pemegang amanah YGK yang baru dilantik iaitu beliau sendiri sebagai pemangku pergerakan ketua Pemuda; Penolong Setiausaha Pemuda, Zulkifli Alwi; Penolong Bendahari Pemuda, Mokhzani Mahathir; Exco Pemuda, Abdul Aziz Sheikh Fadzir; dan bekas Ketua Penerangan Pemuda, Datuk Abdul Fatah. Ketua eksekutif yayasan pula ialah Hasni Mohamad.

Hishamuddin berkata, rombakan dan penyusunan semula itu bertujuan memberi peluang kepada rakan lain dalam pergerakan itu menyumbang dan bergerak secara berkesan.

( END )